

Yakin
Jawapan
Kertas Model
Pra SPM

Yakin
Classroom



BAHASA MELAYU

KERTAS 1

BAHAGIAN A

Pendahuluan

orang ramai diseru untuk sentiasa mengamalkan budaya menabung – sebab itu Hari Tabungan Sedunia yang mula diperkenalkan pada 31 Oktober 1924 sentiasa disambut setiap tahun – untuk membudayakan dan memperjelaskan kepentingan menabung terutama kepada ibu bapa demi masa depan anak-anak – terdapat banyak manfaat menabung dan mengamalkan budaya berjimat cermat

Isi-isi Penting

Isi 1

menabung dapat membentuk disiplin diri – mengajar anak-anak untuk tidak boros dan membeli barangan mengikut kehendak – bermula dari peringkat usia muda – ibu bapa tidak boleh mengikut kehendak anak-anak hanya kerana mereka menangis ketika mahukan sesuatu barang – ajar anak-anak juga untuk mengasingkan 30 peratus daripada wang persekolahan yang mereka miliki – disiplin anak-anak akan lebih kukuh untuk menghadapi masa hadapan

Isi 2

wang simpanan boleh digunakan untuk waktu kecemasan – setiap daripada kita tidak mengetahui apakah nasib yang akan menimpa kita jadi persediaan perlu dilakukan oleh sesiapa pun – tidak mengenal masa dan tempat, malang tidak berbau – masyarakat boleh menggunakan wang simpanan tanpa meminta bantuan daripada pihak lain – mengurangkan beban yang dihadapi ketika dalam kesusahan – menjaga emosi dan kesihatan mental

Penutup

semua pihak perlu berganding bahu dalam memastikan masyarakat sentiasa mengamalkan budaya berjimat cermat – institusi kekeluargaan dan sekolah memainkan peranan dalam melahirkan masyarakat yang bijak dalam urusan jual beli – kerajaan juga hendaklah terus melaksanakan kempen kesedaran agar masyarakat tidak sewenang-wenangnya menjadi hamba wang ringgit dalam keadaan ekonomi negara yang semakin mencabar ini

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Pendahuluan

perkembangan teknologi telah mengubah cara hidup masyarakat konvensional – manfaat teknologi juga memberi kesan yang positif terhadap dunia pendidikan negara – banyak inovasi yang telah terhasil menerusi kemajuan Internet – guru-guru semakin aktif membangunkan aplikasi untuk menimbulkan minat dalam kalangan murid terhadap mata pelajaran – walau bagaimanapun masih banyak lagi kawasan di negara ini yang belum memperoleh capaian Internet yang baik bagi memastikan pelaksanaan pengajaran berkonsepkan dalam talian dapat dilaksanakan – justeru, kerajaan perlu mengatasi masalah ini demi kemaslahatan bersama

Isi-isi Penting

Isi 1

pihak kerajaan perlu memperluas capaian Internet di sekolah dan institusi pendidikan terutamanya luar bandar – supaya semua sekolah dapat manfaat yang sama – murid pun tidak terkecuali untuk memperoleh keseronokan ketika sesi pengajaran

dilaksanakan – pihak kerajaan perlu melaksanakan pemantauan berskala besar melibatkan semua sekolah – melihat kekurangan dan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk kebaikan – melibatkan kerjasama dengan pelbagai syarikat telco sebagai program tanggungjawab dan sosial korporat tahunan mereka

Isi 2

kerajaan menyalurkan sumbangan berbentuk wang ringgit kepada sekolah-sekolah untuk menaik taraf capaian Internet – memasukkan perbelanjaan tersebut di dalam belanjawan negara – untuk menunjukkan keseriusan kerajaan terhadap capaian Internet di sekolah – daripada itu, lebih banyak syarikat korporat akan bekerjasama untuk terlibat sama dalam pembangunan fasiliti di sekolah – kerajaan menawarkan tender secara terbuka kepada mana-mana syarikat yang ingin bekerjasama – melibatkan semua negeri dan tidak memfokuskan sebahagian kawasan sahaja

Isi 3

meningkatkan penglibatan persatuan ibu bapa dan guru dalam menangani isu capaian Internet di sekolah – suara ibu bapa dan guru boleh disalurkan kepada pihak kementerian – isu tersebut boleh didengari di peringkat persekutuan dengan melibatkan lebih banyak perkara berkaitan teknologi dalam pendidikan – PIBG juga boleh menyuarakan kekurangan pelaksanaan pendidikan dalam talian sekali gus membantu pihak kerajaan untuk menambah baik prasarana berkenaan dengan lebih efisien

Penutup

pelbagai peranan pihak kerajaan boleh dilakukan demi memastikan kemenjadian murid-murid dan memastikan mereka tidak tercicir daripada dunia pendidikan – usaha sebegini perlu dilakukan dengan serius bagi mengelakkan lebih ramai yang bosan untuk mengikuti pelajaran – kemajuan teknologi sepatutnya menjadi pemangkin semangat kepada murid-murid untuk terus mencapai kejayaan dalam pelajaran bukannya menjadi beban kepada mereka untuk menerokanya – alah bisa tegal biasa

SOALAN 2

Pendahuluan

jati diri merupakan sifat atau ciri istimewa yang menjadi teras keperibadian seseorang individu – dibentuk berdasarkan pengaruh keluarga, agama dan budaya masyarakat setempat – remaja terutamanya golongan mahasiswa merupakan kumpulan sasaran dalam membentuk jati diri supaya menjadi insan berguna – pelajar merupakan khazanah berharga kepada negara – namun ada beberapa punca yang menyebabkan pembentukan jati diri sukar dibentuk

Isi-isi Penting

Isi 1

peranan ibu bapa yang gagal menunjukkan teladan terbaik kepada anak-anak – pendidikan bermula dari rumah melambangkan cerminan sifat dan ragam ibu bapa di rumah – ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi – ibu bapa sepatutnya memainkan tanggungjawab dengan menjalankan amanah daripada tuhan sebaik sahaja mereka dikurniakan zuriat – ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan dengan sentiasa menghormati orang yang lebih tua daripada mereka – tempilannya akan diterima oleh orang lain seperti para pendidik di universiti – jika peribadi mulia, maka proses pembelajaran mudah untuk dijalankan

Isi 2

para pendidik juga memainkan peranan dalam memastikan mahasiswa mematuhi peraturan dan mengekalkan jati diri di institut pengajian tinggi – universiti merupakan tunas pembentukan masyarakat kerana kemahiran manusia boleh dihubungkan dengan pelbagai ilmu ketika di menara gading – para pendidik tidak sepatutnya memastikan mahasiswa sentiasa patuh kepada peraturan bagi mengelakkan kejutan budaya kerana pada waktu itu mahasiswa jauh tidak lagi dikawal oleh ibu bapa sepenuhnya – oleh itu, pesyarah hendaklah memberikan arahan yang tegas untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dalam tempoh masa ditetapkan selain memastikan mahasiswa mematuhi – membentuk generasi muda lebih menepati masa di samping mendengar arahan dengan baik dalam menyelesaikan sesuatu tugas – beri kesan jangka panjang termasuklah ketika alam pekerjaan

Isu 3

pengaruh media massa juga dilihat semakin kurang menerapkan nilai-nilai murni – pengaruh media massa sangat besar dalam mencorak budaya masyarakat – industri hiburan seperti drama dan filem kurang menarik perhatian golongan mahasiswa kerana hanya menggunakan naratif penceritaan yang hampir sama, iaitu berkaitan dengan percintaan dan elemen mistik namun kurang menerapkan elemen jati diri – kebangkitan industri tempatan seperti Upin Ipin dan Ejen Ali perlu diperbanyak bagi memberi

impak yang positif – asimilasi penceritaan yang menerapkan elemen dan budaya tempatan telah menarik perhatian golongan mahasiswa – selingan iklan atau pesanan khidmat masyarakat hendaklah terus digalakkan di televisyen dan stesen radio untuk memberi peringatan tentang nilai-nilai murni yang seharusnya diamalkan

Penutup

pelbagai punca penerapan jati diri perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak – pembentukan jati diri sangat penting supaya personaliti mahasiswa yang bakal memacu negara pada masa hadapan boleh terjamin – menjana kemajuan negara dan merealisasikan aspirasi kejayaan negara, jati diri generasi muda perlu dibentuk dengan baik – penglibatan gejala sosial dalam kalangan mereka sangat membimbangkan dan perlu dibanteras dengan sebaiknya – masyarakat harus memberikan ruang dan menyokong anak muda untuk terus melestarikan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan – menjamin kepimpinan yang bertintegriti pada masa hadapan

SOALAN 3

Pendahuluan

teknologi merupakan agenda baharu yang mendapat tempat dalam sanubari segenap lapisan masyarakat – kerajaan telah mengambil langkah yang serius untuk menerapkan budaya dan perkembangan teknologi kepada masyarakat – pelbagai kempen dijalankan untuk menjelaskan kepada masyarakat tentang kepentingan teknologi kepada negara

Isi-isi Penting

Isi 1

mampu meningkatkan mutu pendidikan negara – kerajaan mewujudkan sekolah-sekolah bestari yang menjadikan teknologi maklumat sebagai teras pendidikan – sumber rujukan utama bagi pelajar akan lebih tertumpu kepada proses pendigitalan dan guru hanya bertindak sebagai pemudah cara – sumber-sumber daripada multimedia membantu proses pemerkasaan sistem pendidikan negara – pelajar pula perlu memiliki kemahiran untuk mengendalikan komputer dan mereka sendiri akan meneroka setiap bidang yang dipelajari – berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi dengan bantuan teknologi maklumat – banyak universiti yang sudah mengamalkan penerokaan ilmu di ruang siber tanpa menghadiri kuliah secara fizikal, dikenali sebagai universiti maya

Isi 2

mampu meletakkan negara setanding dengan negara-negara maju – kemajuan negara boleh diukur dengan pencapaian dalam bidang teknologi – Malaysia bolehlah menitikberatkan bidang teknologi supaya boleh duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju – oleh sebab itu kerajaan sanggup mengeluarkan belanja dan peruntukan yang banyak untuk meningkatkan segenap aspek yang dikaitkan dengan teknologi – melancarkan satelit telekomunikasi sendiri seperti MEASAT 1 dan MEASAT II – Malaysia juga berjaya menghasilkan satelit ringan yang dikenali sebagai Tingsat-1 – nama negara lebih dikenali dan pelabur asing lebih yakin dengan potensi dimiliki negara

Isi 3

mampu menjadi batu lonjakan dalam usaha meningkatkan ekonomi negara – perniagaan pada hari ini sudah mula beralih kepada e-dagang atau perdagangan elektronik – para peniaga tidak perlu menyediakan ruang niaga yang memerlukan kos tinggi – pasaran juga dapat diperluas dengan begitu pantas dan mudah menerusi penggunaan Internet – pembeli dari dalam dan luar negara dapat melihat produk dengan hanya di hujung jari dan seterusnya meningkatkan kuasa membeli dalam kalangan pembeli – tempoh pembelian juga sangat menjimatkan masa dan tenaga

Penutup

negara akan memperoleh banyak manfaat daripada perkembangan teknologi maklumat – Malaysia tidak boleh ketinggalan dalam menguasai kemahiran teknologi maklumat kerana bidang ini akan terus berkembang dari masa ke masa – sistem kehidupan manusia juga akan bergantung kepada kemudahan dan kecanggihan teknologi maklumat – wawasan negara untuk menjadi negara maju boleh direalisasikan dengan penguasaan dalam bidang teknologi – rakyat hendaklah menyokong usaha di samping menyediakan diri dengan pelbagai pengetahuan baharu supaya tidak menjadi katak di bawah tempurung

SOALAN 4

Peranan Institusi Pendidikan untuk Meningkatkan Kesedaran Pencegahan Demam Denggi dalam Kalangan Murid oleh: Mohd Fauzi bin Mohd Yazid

Pendahuluan

Demam denggi adalah sejenis penyakit jangkitan virus yang merebak melalui gigitan nyamuk Aedes yang telah dijangkiti. Terdapat empat jenis virus yang boleh menyebabkan demam denggi, dikenali DEN 1, DEN 2, DEN 3, dan DEN 4. Jangkitan oleh salah satu jenis virus akan memberikan imuniti terhadap virus jenis itu sahaja. Namun begitu, jika individu tinggal di kawasan jangkitan denggi mereka boleh dijangkiti lebih daripada sekali dalam hidupnya. Terdapat tanda-tanda seseorang itu dijangkiti demam denggi, iaitu mengalami demam panas, sakit kepala, sakit tulang belakang, sakit-sakit sendi, loya dan muntah-muntah serta mengalami ruam pada bahagian badan. Walau bagaimanapun, masih ramai masyarakat terutamanya murid tidak mengetahui cara terbaik untuk mencegah penularan demam denggi. Institusi pendidikan adalah pihak paling tepat untuk meningkatkan kesedaran tersebut.

Isi 1

murid-murid perlu diingatkan untuk membasmi tempat-tempat pembiakan nyamuk – banyak kawasan yang terlepas pandang sama ada di rumah atau di sekolah – menerusi penerangan yang dibuat oleh pihak sekolah, murid-murid lebih peka terhadap kawasan sekeliling – boleh menjadikan aktiviti pembersihan sebagai aktiviti mingguan bersama-sama dengan keluarga – membuang bekas yang boleh menakung air, memastikan tangki air, bekas tadahan hujan ditutup, pasu-pasu bunga dan bekas tadahan dibersihkan dua minggu sekali, memastikan saliran atap sentiasa mengalir dan membela ikan di dalam kolam untuk mengelakkan jentik-jentik – kesedaran ini perlu sentiasa diberikan kepada murid-murid

Isi 2

mengajar murid-murid tentang penggunaan serangga atau nyamuk dengan betul – pihak sekolah boleh menganjurkan pelbagai program untuk mengajar murid-murid tentang penggunaan serangga dengan cara yang betul supaya serangga itu boleh digunakan untuk pelbagai fungsi terutamanya mencegah pembiakan nyamuk Aedes – memanggil pihak yang pakar untuk memberikan penerangan kepada murid – bukan murid sahaja yang dapat informasi tetapi guru juga boleh memberikan pengukuhan di dalam bilik darjah untuk menjadikannya sebagai pendidikan berterusan

Isi 3

sentiasa mengingatkan murid untuk mengambil langkah perlindungan diri daripada digigit nyamuk Aedes – guru boleh menggunakan waktu perhimpunan dan perjumpaan kelab persatuan untuk memberikan peringatan kepada murid-murid – mengadakan demonstrasi kepada murid-murid – memastikan tingkap dan pintu sentiasa ditutup – menyapukan ubat penghalau nyamuk pada anggota yang terdedah kepada gigitan nyamuk, memakai baju berwarna cerah dan ber lengan panjang sewaktu keluar rumah – pasangkan ubat lingkaran nyamuk dan ubat nyamuk elektrik di kawasan tertutup – edaran bahan bercetak juga boleh diberikan kepada murid-murid

Penutup

langkah pencegahan perlu diberikan penekanan serius agar penularan denggi dapat diatasi – pelbagai pihak juga perlu memainkan peranan untuk berganding bahu dengan pihak sekolah supaya maklumat yang tepat dapat disalurkan kepada murid-murid – kementerian pendidikan juga perlu merangka satu program khusus untuk menyebarkan kesedaran di peringkat sekolah – murid-murid dalam melaksanakan panduan pencegahan di rumah dan menyebarkan maklumat yang tepat kepada pihak lain – mencegah lebih baik daripada mengubati

KERTAS 2

BAHAGIAN A

- 1 i. pengguna-pengguna – orang-orang yang menggunakan
Contoh ayat; Pengguna-pengguna telefon bimbit perlu berhati-hati dengan alat ganti tiruan yang terdapat di pasaran.
- ii. berlumba-lumba – berdahulu-dahulu, berlawanan
Contoh ayat; Pelajar harus berlumba-lumba untuk mencapai keputusan cemerlang dalam pelajaran.
- iii. kadang-kadang – kadangkala, sekali-sekali, ada kalanya
Contoh ayat; Bulan puasa tidak selalu 30 hari, kadang-kadang hanya 29 hari.

- iv. bersungguh-sungguh – berusaha dengan segenap hati, dengan penuh minat, tidak main-main
Contoh ayat; Kakak belajar dengan bersungguh-sungguh untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.
(Kata ganda lain yang terdapat dalam petikan masih diterima)

2 Petikan 1

- i. Kecenderungan untuk berkarya dapat dikategorikan sebagai aktiviti yang berfaedah. (FN + FK)
- ii. Melalui internet terdapat kebaikan dan manfaat yang diberikan kepada masyarakat. (FN + FN)
- iii. Peraturan dan undang-undang melayari internet amat penting diketahui oleh setiap individu. (FN + FA)

Petikan 2

- i. Kempen Dekad Membaca adalah untuk memperkukuh budaya membaca bagi meningkatkan peratusan rakyat Malaysia membaca. (FN + FS)
- ii. Pelan ini ialah pelan yang menjadi panduan dan rujukan pada setiap peringkat. (FN + FN)
- iii. Masyarakat berbudaya membaca amat cinta akan ilmu dan mencambahkan tradisi keilmuan dalam kalangan masyarakat. (FN + FA)

3

BAHAN 1	
Kesalahan	Pembetulan
warga negara	warganegara
ditunjukkan	ditunjukkan
di waktu	pada waktu
prajurit	perajurit
pengetahuan ilmu	ilmu pengetahuan
mencakupi	mencukupi
BAHAN 2	
Kesalahan	Pembetulan
habiskan	menghabiskan
kerana	untuk
parasnya	bentuknya
daripada	dari
rebusan air	air rebusan
kembong	kembung
menggunakan	penggunaan

- 4 Tidak lama kemudian hari pun malam. Kertala Sari pun menjadi dirinya yang sebenar; kemudian dia berjalan masuk ke dalam kota. Seterusnya dia/Kertala Sari masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya. Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari pun masuk lalu makan bersama-sama saudagar itu. Setelah larut malam, saudagar itu pun tidur.
- 5
- i. Turun padang
 - ii. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - iii. Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
 - iv. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan
 - v. Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
- 6
- i. Berdasarkan Bahan 2, maksud rangkai kata semua sempadan
 - segala batas / halangan / rintangan / cabaran
 - segala sempadan
 - semua batas / halangan / rintangan / cabaran

- ii. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, persamaan dan perbezaan kebaikan aktiviti gotong-royong dan bersukan (Persamaan)
- memupuk perpaduan
 - mewujudkan persefahaman antara kaum
- (Perbezaan)
- Bahan 1 – kerja yang berat boleh menjadi mudah
- Bahan 2 – menyatukan rakyat
- iii. Pada pendapat saya, peranan pihak media sebagai agen perpaduan dalam kalangan masyarakat
- mempromosikan aktiviti perayaan di negara kita
 - tidak menyebarkan berita yang boleh mencetuskan rusuhan kaum
 - menerbitkan dokumentari berunsur kesekpakatan kaum
 - membuat iklan tentang aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada semua kaum
- iv. Sebagai seorang wakil rakyat, langkah-langkah yang perlu anda ambil agar hubungan masyarakat di kawasan anda kekal harmoni;
- menganjurkan aktiviti gotong-royong
 - mengadakan rumah terbuka dikawasan saya
 - menggalakkan masyarakat berkomunikasi antara satu sama lain
 - memberi bantuan tidak kira kaum
 - mengadakan kempen perpaduan kaum tidak kira masa
 - menjadi suri teladan kepada masyarakat setempat
- 7 i. Berdasarkan Bahan 2, maksud rangkai kata asyik berbalah
- selalu berbantah/ bertengkar/ bergaduh
 - asyik berbalah/ bertengkar/ bergaduh
- ii. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 3, kesan-kesan penjajahan kepada rakyat
- Bahan 1
- rakyat tersiksa
 - rakyat ditindas
 - rakyat mengemis di tanah sendiri
 - penjajah merampas segala-galanya
- Bahan 3
- peritnya hidup yang dialami oleh rakyat pada waktu itu
 - rakyat ditindas
 - tenaga rakyat diperah
 - segala hasil bumi dikaut oleh penjajah
 - kemiskinan dan penderitaan rakyat berleluasa
- iii. Pada pendapat saya, kepentingan menyambut Hari Kemerdekaan
- menyemai nilai patriotisme dalam diri masyarakat
 - mengukuhkan perpaduan rakyat
 - menghargai jasa dan pengorbanan tokoh terdahulu
 - meraikan kebebasan negara pada masa ini
 - meningkatkan imej negara
- iv. Sebagai seorang rakan yang prihatin, langkah-langkah yang perlu saya lakukan untuk menggalakkan rakan menyertai aktiviti bulan kemerdekaan;
- menasihatinya tentang kebaikan-kebaikan sambutan bulan kemerdekaan yang diadakan
 - turut serta pertandingan dalam satu kumpulan yang sama
 - membimbing rakan dalam menyelesaikan masalah dalam aktiviti yang disertai
 - menawarkan hadiah tambahan sekiranya rakan berjaya memenangi aktiviti yang disertai
 - memberikan kata-kata semangat kepada rakan
- 8 (i) Sebab Farisha begitu kagum dengan Aliah:
- Alia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.

(ii) Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan sikap bertanggungjawab.

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa Adnan tidak menyerah kalah walaupun ramai askarnya terkorban. Malah, Adnan juga cedera tetapi masih enggan berundur. Akhirnya Adnan dibunuh di bawah pokok ceri dengan menggunakan bayonet. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab sebagai pejuang tanah air iaitu Adnan dan askarnya menentang tentera Jepun sehingga titisan darah yang terakhir demi mempertahankan negara.
- Peristiwa Pak Saidi yang menghantar Adnan setiap pagi ke sekolah Inggeris dengan menaiki basikal. Tindakan Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris ini dikecam dan dituduh sebagai murtad oleh penduduk kampung. Peristiwa ini jelas menunjukkan sikap bertanggungjawab Pak Saidi sebagai seorang bapa yang ingin memberikan pendidikan terbaik kepada anaknya.

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

- Peristiwa Azraai memasang retinal scanner pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi keselamatan Farisha. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang abang melindungi keselamatan adiknya.
- Peristiwa Farisha dan Azraai berbincang terlebih dahulu sebelum Farisha mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang abang menasihati adiknya sebelum mengambil sesuatu tindakan.

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa seorang pegawai Kebajikan Masyarakat iaitu Puan Hamimah yang membantu menyelesaikan masalah penderaan yang dihadapi oleh Che Jah. Puan Hamimah menasihati Che Jah agar membuat laporan polis supaya tindakan boleh diambil untuk menangkap Seman yang sering memukul Che Jah dan anak-anaknya. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seseorang untuk membantu menyelesaikan kes penderaan seorang suami terhadap isteri.
- Peristiwa Danel menyelamatkan rakannya iaitu Lili yang diculik oleh Rafik dan Haziq dan disembunyikan di sebuah pondok usang. Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang rakan demi menyelamatkan rakan yang diculik.

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

- Peristiwa Dr. Raiha bertegas untuk tidak menggugurkan bayi dalam kandungannya yang cacat walaupun telah disuruh oleh suaminya Dr Sadiz. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu iaitu Dr Raiha enggan menurut kemahuan suaminya kerana anak yang dikandung itu ialah anugerah Tuhan yang perlu diterima dengan penuh kasih sayang.
- Peristiwa ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya Unong Siron sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Peristiwa ini menunjukkan tanggungjawab seorang ibu yang sanggup berkorban untuk memastikan anaknya sembuh semasa dirawat di PRPK.

9 Pendahuluan

- Rumusan membincangkan usaha-usaha dan kelebihan-kelebihan memupuk budaya inovasi dalam kalangan pelajar sekolah.
- Rumusan membincangkan kelebihan-kelebihan memupuk budaya inovasi dalam kalangan pelajar sekolah.
- Rumusan membincangkan usaha-usaha memupuk budaya inovasi dalam kalangan pelajar sekolah.

Isi-isi Penting

Bahan 1 (F1) Usaha-usaha memupuk budaya inovasi

- budaya inovasi dimulakan pada peringkat sekolah rendah lagi
- pertandingan inovasi di peringkat sekolah
- pihak sekolah juga boleh menyediakan ‘peti inovasi’ atau ‘kotak inovasi’
- penggunaan Internet sebagai sumber mendapatkan idea inovasi juga harus dipertingkatkan
- guru-guru juga boleh mencetuskan budaya inovasi melalui aktiviti pembelajaran di dalam kelas.

Bahan 1 (F2) Kelebihan-kelebihan amalan budaya inovasi

- boleh dijual dengan harga yang berpatutan dan menjadi sumber pendapatan sampingan kepada mereka
- kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah akan dapat dibudayakan

Bahan 2 (F2) Kelebihan-kelebihan amalan budaya inovasi

- tingkatkan KBAT
- seronok belajar
- imej sendiri
- berani menghadapi cabaran

Kesimpulan

- Kesimpulannya, budaya inovasi dalam kalangan pelajar sekolah perlu diamalkan agar dapat melahirkan modal insan kelas pertama dan bakal pemimpin yang berfikiran kreatif serta inovatif.